

15/02/2004

Anugerah Seniman paling bermakna

Yusof Haslam

MALAM Anugerah Perdana Seniman 2004 yang berlangsung di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman pada 7 Februari lalu begitu berprestij sekali apabila Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Sultanah, Tuanku Hajjah Haminah berada di tengah-tengah seniman dan kalangan yang ada kaitan dengan dunia perfileman menyaksikan penganugerahan dan persembahan di pentas.

Bukan itu saja Sultan dan Sultanah pada hari sebelum berlangsung Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 berkenan menerima mengadap 15 seniman dan seniwati serta beberapa tokoh perfileman tanah air. Selepas upacara mengadap itu baginda berdua berkenan pula menjamu rombongan artis dari Kuala Lumpur seramai lebih 200 ratus orang di balai Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.

Ia satu peristiwa besar bagi artis yang berkesempatan membabitkan diri dalam majlis yang dianjurkan oleh Seniman dengan kerjasama Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM) di mana kerajaan negeri Kedah menjadi tuan rumah.

Sultan dan Sultanah ternyata amat prihatin dengan perkembangan dunia seni dan hiburan tanah air. Tidak lupa juga baginda berdua memberikan dorongan dan semangat bagi memajukan dunia perfileman negara kita. Rata-rata karyawan seni tanah air berasa amat terharu dengan sokongan yang diberikan. Ini membuktikan insan seni kita sebenarnya tidak pernah dilupakan raja dan pemimpin negeri mahu pun pemimpin Pusat.

Bertolak daripada Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 kerajaan negeri Kedah telah menyatakan kesanggupan untuk menjadikannya sebagai acara tahunan. Perkara itu dinyatakan Menteri Besar sendiri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di akhir upacara gilang gemilang yang berlangsung di Dewan Seri Negeri.

Ini sebenarnya satu penghargaan besar kerajaan negeri kepada artis. Ia pula mempunyai satu mesej yang jelas bahawa perjuangan artis haruslah di atas landasan keluhuran dan kehalusan seni. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan negeri Kedah.

Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 serta acara lain yang berkaitan dengannya di Alor Setar bagi saya adalah satu permulaan ke arah menjayakan hasrat kerajaan negeri Kedah khususnya Menteri Besar sendiri untuk menjadikan negeri Jelapang Padi itu sebagai lokasi penggambaran filem dan drama TV. Saya difahamkan sudah ramai produser membuat persiapan untuk menjadikan daerah di negeri Kedah terutama sekali Langkawi sebagai latar belakang penggambaran.

Malahan saya mendapat tahu beberapa penulis skrip sedang mencari idea untuk menulis cerita yang berdasarkan kepada kejadian atau peristiwa dalam masyarakat negeri Kedah. Tidak ketinggalan juga akan ditulis skrip yang berkaitan dengan beberapa sejarah penting.

Jangan kita lupa, negeri Kedah sebenarnya mempunyai peranan besar dalam pencapaian kemerdekaan negara kita yang merdeka pada 31 Ogos 1957. Bapa kemerdekaan kita, Almarhum Tunku Abdul Rahman berasal dari Kedah. Sementara bapa kemodenan Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad juga datang dari Kedah. Kedua-dua pemimpin besar kita itu adalah bahan yang bukan saja menarik bahkan unik untuk dijadikan bahan cerita filem atau pun drama TV.

Kesudian kerajaan negeri Kedah memberi segala kerjasama serta menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk penggambaran tidak harus disia-siakan oleh mana-mana pihak yang terbabit dengan kegiatan

perfileman. Dalam masa yang terdekat ini saya sendiri akan menggunakan beberapa tempat di Langkawi sebagai latar belakang filem Gerak Khas The Movie 3 yang akan memulakan penggambaran.

Berbalik kepada Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 yang lalu saya sendiri adalah salah seorang daripada 13 penerima anugerah. Saya amat terharu dengan ucapan Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang turut menyentuh mengenai kegiatan perfileman saya termasuk rancangan TV Gerak Khas yang memaparkan dunia kepolisan.

Ucapan Menteri Besar Kedah itu saya anggap sebagai pembakar semangat dalam menggerakkan kerja seni yang saya lakukan. Saya akan bergerak secara bahu membahu dengan aktivis filem kita yang lain seperti Aziz M Osman, Bade Azmi, Yusof Kelana, Rashid Sibir, Erma Fatima, Shuhaimi Baba, Profesor Madya Razak Mohaideen, U-Wei Hj Saari, Adman Salleh, AR Badul sekadar menyebut beberapa nama bagi terus memantapkan dunia perfileman tanah air.

Turut menerima anugerah malam itu ialah Datuk Jins Shamsudin (Anugerah Pencapaian Cemerlang), Khalid Salleh, Khatijah Tan, Rosyam Nor, Aziz M Osman, Sidi Oraza, Siti Nurhaliza. Sementara penerima anugerah daripada PFM pula ialah Datuk Syed Kechik, Hussain Abu Hassan, Deddy M Borhan, John Neteleton dan Ahmad Mahmud. Mereka ini adalah pejuang filem tanah air walaupun ada yang telah bersara dari arena perfileman.

Pastilah pada masa akan datang Seniman dan juga PFM akan menghargai ramai lagi tokoh dan aktivis perfileman kita. Pada saya kita sebenarnya mempunyai ramai tokoh yang berjasa dan perlu dihargai dan diiktirafkan. Syabas kepada semua pihak yang bekerja keras menjayakan Malam Anugerah Perdana Seniman 2004!